

BAB 6: PETA**1. Umum.**

- Peta merupakan **gambaran** atau **pelan** yang menunjukkan kedudukan **ciri-ciri fizikal dan ciri-ciri budaya** yang terdapat di dalam peta yang menggambarkan sesuatu kawasan yang hendak dipetakan.
- Secara umum terdapat 4 jenis peta iaitu:-
 1. **Pelan** (Lakaran yang menggambarkan keadaan sesuatu kawasan tetapi maklumat masih kurang) .
 2. **Peta Atlas** (Peta yang menunjukkan secara umum tentang sesuatu topik seperti jenis tanaman, politik dan sebagainya).
 3. **Peta glob** (Juga dimasukkan sebagai peta atlas)
 4. **Peta Topografi** (Gambaran yang **lebih tepat dan teliti**. Memperlihatkan secara terperinci mengenai keadaan sesuatu tempat daripada aspek ciri-ciri fizikal dan ciri-ciri budaya/ciri-ciri kemanusiaan).
- Dalam perkembangan geografi semasa penggunaan **peta bergambar** semakin popular untuk memberikan maklumat yang ringkas dan mudah kepada pengguna terutama sekali dalam bidang **pelancongan**.
- Peta bergambar biasanya memaparkan maklumat mengenai:-
 1. Tempat bersejarah.
 2. Pusat rekreasi.
 3. Pusat membeli belah.
 4. Kawasan penginapan.
 5. Kemudahan pengangkutan.
- Usaha memetakan permukaan bumi telah dimulakan oleh **Anaximander** dari bandar **Miletus (Yunani)** dengan menggunakan skala di dalam peta, beliau telah meletakkan negara Yunani di tengah – tengah negara Eropah.

B6 Latihan 1

Jawab semua soalan di bawah.

1. Apakah yang dimaksudkan sebagai peta?
2. Nyatakan 5 jenis peta.
 1. _____
 2. _____
 3. _____
 4. _____
 5. _____
3. Peta bergambar sangat penting di dalam bidang _____.
4. Nyatakan 5 jenis maklumat yang dipaparkan di dalam peta bergambar.
 1. _____
 2. _____
 3. _____
 4. _____
 5. _____

2. Peta Bergambar.

- Peta bergambar digunakan di dalam **peta pelancongan**.
- **Peta bergambar** biasanya menggunakan **angka, nombor** atau **simbol bergambar** untuk mewakili ciri-ciri tertentu di dalam peta pelancongan.
- Ciri-ciri sebuah peta bergambar ialah:
 - Tajuk.
 - Petunjuk peta
 - Arah mata angin

2.1 Mentafsir Peta Bergambar.

- Peta bergambar boleh ditafsir atau dibaca berdasarkan pada:
 - **Tajuk peta** penting kerana ia memberi maklumat kepada pembaca peta mengenai kawasan peta itu diambil.
 - **Petunjuk peta** sangat penting untuk memudahkan kita melihat secara tepat keadaan sesuatu kawasan yang digambarkan berdasarkan kepada petunjuk yang diberikan. Daripada petunjuk kita dapat menentukan **ciri-ciri fizikal** serta **ciri-ciri budaya** di sesuatu kawasan.
 - **Arah mata angin** sangat perlu untuk memudahkan kita menentukan arah sesuatu tempat di atas peta.
- **Ciri-ciri fizikal** – Semua unsur yang terjadi secara semula jadi seperti gunung, sungai, tumbuhan semula jadi dan lain-lain.
- **Ciri-ciri budaya** – semua unsur yang terjadi akibat daripada kegiatan manusia atau ciri-ciri buatan manusia seperti sistem pengangkutan, jalan raya, padang, bangunan dan lain-lain.

B6 Latihan 2

Jawab semua soalan di bawah.

1. Apakah yang dimaksudkan sebagai peta bergambar?
2. Peta bergambar digunakan di dalam peta _____.
3. Nyatakan 3 ciri utama peta bergambar.
 1. _____
 2. _____
 3. _____
4. Apakah yang dimaksudkan sebagai ciri-ciri fizikal?
5. Apakah yang dimaksudkan sebagai ciri-ciri budaya?

B6 Latihan 3

Jawab semua soalan di bawah berdasarkan Peta 6.1.




Peta 6.1: Pusat Pelancongan Negeri Kedah.

1. Senaraikan 3 ciri budaya yang terdapat di dalam peta di atas.
 1. _____
 2. _____
 3. _____
2. Senaraikan 3 ciri fizikal yang terdapat di dalam peta di atas.
 1. _____
 2. _____
 3. _____
3. Di manakah lokasi yang sesuai untuk anda menikmati air panas bawah tanah?
4. Jika anda ingin berkelah, di manakah lokasi yang perlu anda tuju?
5. Jika anda ingin mengetahui petempatan awal di Kedah, di manakah tempat yang perlu anda tuju?

B6 Latihan 4

Jawab semua soalan di bawah berdasarkan Peta 6.2.




Peta 6.2: Pusat Pelancongan di Perak.

- Senaraikan 3 ciri budaya yang terdapat di dalam peta di atas.
 - _____
 - _____
 - _____
- Senaraikan 3 ciri fizikal yang terdapat di dalam peta di atas.
 - _____
 - _____
 - _____
- Di manakah lokasi yang sesuai untuk melihat pusat pemuliharaan burung?
- Jika anda ingin berkelah, di manakah lokasi yang perlu anda tuju?
- Jika anda berkelah di kawasan air terjun, di manakah tempat yang perlu anda tuju?

B6 Latihan 5

Jawab semua soalan di bawah berdasarkan Peta 6.3.



Peta 6.3: Pusat Pelancongan di Langkawi.

- Senaraikan 3 ciri budaya yang terdapat di dalam peta di atas.
 - _____
 - _____
 - _____
- Senaraikan 3 ciri fizikal yang terdapat di dalam peta di atas.
 - _____
 - _____
 - _____

3. Di manakah lokasi yang sesuai untuk melihat hidupan air dalam akuarium di Langkawi?
4. Jika anda ingin berkelah, di manakah lokasi yang perlu anda tuju?
5. Jika anda berkelah di kawasan air terjun, di manakah tempat yang perlu anda tuju?